

BULETIN PESARA

Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 5 Februari 2016

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010

UTUSAN DARIPADA JAWATANKUASA

Salam hormat daripada kami AJK Persatuan Pesara UKM (2015-2017)

Dalam ucapannya di Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri pada 5 Ogos yang lalu, Naib Canselor UKM mengalu-alukan usaha Persatuan Pesara UKM menganjurkan perjumpaan-perjumpaan seperti majlis tersebut yang pastinya boleh membantu menyambung silaturahim antaranya dengan semua pihak di UKM. Ini bukan kali pertama Persatuan Pesara mendapat perhatian yang sebegini. Malah ia menjadi pendorong bagi Persatuan untuk *meningkatkan* hubungan dengan pihak-pihak di UKM supaya silaturahim itu berterusan dan memanfaatkan semua. Meskipun Persatuan mempunyai kekangan-kekangan dari segi kewangan dan kemampuan fizikal, namun ia memandang baik seruan Naib Canselor itu malah menganggapnya sebagai satu cabaran baru untuk ditanganinya. Sehubungan ini dan untuk makluman semua kami telah mengadakan perbincangan tentang aktiviti-aktiviti baru yang boleh mengeratkan hubungan antara Persatuan dan pihak-pihak dalam UKM. Satu daripadanya ialah mengadakan Sesi UKM Bercerita. Aktiviti ini akan diadakan dengan kerjasama Muzium Warisan Akademik, UKM. Kami berharap melalui aktiviti ini, ahli-ahli Persatuan dapat MENYUMBANG IDEA, PENDAPAT DAN TENAGA UNTUK MEMPASTIKAN SEJARAH PEMBANGUNAN DAN perkembangan UKM segar mekar dalam ingatan kakitangan dan pelajar-pelajar UKM sekarang ini. Silalutnya antara Persatuan dan UKM pasti akan menjadi lebih kukuh dan bermakna apabila ahli-ahli Persatuan menunjuk komitmen yang tinggi untuk membantu menjayakan Sesi Bercerita ini.

Wassalam

MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDIL FITRI H1436/2015

Alhamdulillah Urusetia Persatuan Pesara telah berjaya menganjurkan Majlis Jamuan Hari Raya Aidil Fitri. Ia diadakan pada hari Rabu 5 Ogos 2015 bertempat di Dewan Bankuasi, Aras 2, Bangunan Canselori, UKM. Ia bermula pada jam 2.30 petang.

Ucapan perasmian

YBhg Prof. Datin Noor Aziah Mohd Awal, Timbalan Naib Canselor Hal-ehwal Pelajar dan Alumni merasmikan Majlis Jamuan itu mewakili Y. Bhg. Naib Canselor. Dalam ucapannya, YBhg. Prof Datin Noor Aziah mengalu-alukan usaha Persatuan menganjurkan majlis jamuan ini yang bukan sahaja boleh mempertemukan bekas pekerja UKM tetapi juga memberi

Sidang editor Buletin:

- *Sharifah Zaleha Syed Hassan (Dato' Dr) – Ketua*
- *Mansoor Hj. Ahmad*
- *Khalis Md Saleh*
- *Salmah Kasmani*

impak tinggi kepada imej UKM sebagai sebuah universiti yang unggul dan berjiwa kebangsaan. Beliau juga menarik perhatian para hadirin kepada perkara penting yang perlu ditangani Persatuan iaitu:

- ✓ Salah satu cara menambahkan keahlian ahli Persatuan Pesara, iaitu mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Pendaftar di mana dalam urusan surat-menyurat Jabatan tersebut menguruskan persaraan ahli, borang keahlian diedarkan bersama.

Majlis juga disajikan dengan acara “terkenang di masa lalu”, iaitu pengalaman perkhidmatan dengan UKM di awal penubuhannya oleh Sdr. Omar Jaafar.

KERJASAMA DENGAN MUZIUM WARISAN AKADEMIK, UKM

Sebagai langkah susulan kepada cadangan Timbalan Naib Canselor supaya ia menganjurkan Sesi Bercerita, Persatuan dan Muzium Warisan Akademik UKM telah mengadakan beberapa kali perjumpaan untuk membincangkan kelangsungan aktiviti tersebut dan lain-lain bentuk kerjasama yang boleh diadakan antara Persatuan dan pihak Muzium. Sehubungan dengan itu, pihak Muzium bersetuju

- ✓ melibatkan Persatuan Pesara dalam aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankannya seperti mengumpul artifak peninggalan bekas kakitangan akademik UKM; dan
- ✓ bekerjasama dengan Persatuan Pesara menganjur aktiviti-aktiviti baru seperti Sesi Bercerita 2016, wawancara degan generasi pertama pelajar UKM dan pengumpulan artifak-artifak UKM yang terdapat

di fakulti dan jabatan-jabatan di UKM.

PEJABAT PERSATUAN PESARA UKM

September 2015 Pejabat Persatuan Pesara UKM telah berpindah di aras 4, Bangunan Pentadbiran, Kolej Keris Mas. Walau bagaimanapun perpindahan pejabat ini tidak merubah alamat surat yang ditujukan kepada menyurat Persatuan.

KAD PESARA UKM

Semua mantan kakitangan UKM dinasihatkan untuk membuat Kad Pesara UKM bagi memudahkan proses mendapatkan kemudahan perubatan di Pusat Perubatan UKM. Kad ini boleh diperolehi di Jabatan Pendaftar dan anda hanya perlu mengisi borang (yang boleh diambil di Jabatan Pendaftar) dan bawa sekeping gambar ukuran pasport. Semua pesara UKM tidak perlu menunjukkan kad pesara JPA (pencen atau kwsp) memadai menunjukkan Kad Pesara UKM sahaja semasa hendak mendapatkan kemudahan rawatan di PPUKM.

PENGUMPULAN ARTIFAK

Persatuan Pesara sedang berusaha membantu Muzium Warisan Akademik UKM bagi menambahkan bahan koleksi artifak-artifak yang boleh dijadikan bahan sejarah dalam penubuhan UKM. Maka dialu-alukan kepada warga dan mantan kakitangan UKM yang mempunyai simpanan artifak-artifak tersebut menghubungi Muzium Warisan Akademik UKM ataupun Persatuan Pesara UKM.